

# PM: Pertahankan moral demi pencapaian sekarang dikekalkan

Oleh  
ZULKIFLEE BAKAR

KUALA LUMPUR 23 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat Malaysia supaya mempertahankan moral dan akhlak yang tinggi bagi memastikan pencapaian yang dinikmati sekarang dapat dikekalkan.

Katanya, pada masa akan datang serangan terhadap moral dan etika semakin memuncak.

"Kita tahu ia akan berlaku kerana pada masa

ini ia berlaku dalam kebanyakan masyarakat yang membangun," katanya ketika menutup Persidangan Antarabangsa Pertama Pelajar-Pelajar Malaysia-Ke arah Wawasan 2020, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, beberapa buah negara yang mempunyai sejarah gemilang telah jatuh dari kedudukan penting mereka kerana dipengaruhi oleh gejala yang tidak sihat.

"Kita tidak boleh membenarkan perkara itu berlaku terhadap negara ini.

Jika tidak segala pencapaian kita akan menjadi sia-sia sahaja," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, dalam mencapai Wawasan 2020, rakyat negara ini tidak harus lupa terhadap cabaran untuk membentuk satu negara yang bebas daripada segi psikologi dan mempunyai keyakinan diri.

"Masyarakat kita harus berusaha ke arah kecemerlangan di samping mengetahui potensinya yang sebenar dan seterusnya dihormati oleh

■ Lihat muka 2

## PM: Pertahankan moral demi pencapaian dikekalkan

rakyat negara lain," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan, dua cabaran politik dalam Wawasan 2020 yang harus diutamakan ialah membentuk satu masyarakat demokratik yang mantap dan mampu mengamalkan persefahaman yang boleh menjadi model kepada kebanyakan negara membangun.

Wawasan 2020, kata Dr. Mahathir bukan sahaja setakat untuk mencapai kejayaan dalam bidang ekonomi tetapi juga dalam bidang sosial, psikologi dan kebudayaan.

"Kita percaya kepada masyarakat penyayang yang sentiasa dinamik dan bukannya rakus," katanya.

Beliau menambah, wawasan itu juga bertujuan untuk melahirkan satu masyarakat yang inovatif dan berpandangan jauh, di samping bukan sahaja menjadi pengguna teknologi canggih tetapi penyumbang kepada kemajuan sains dan teknologi.

Perdana Menteri mengingatkan, generasi yang ada sekarang bahawa mereka akan menghadapi cabaran yang lebih sengit di masa hadapan.

Katanya, mereka perlu menghadapi semua cabaran itu dengan penuh gigih, berdedikasi dan ikhlas.

Dr. Mahathir menjelaskan, negara-negara maju pada kebiasaannya meng-

alami pertumbuhan ekonomi yang perlahan berbanding negara-negara membangun.

"Selain itu, kita harus mengekalkan persaingan kita secara berterusan dan mampu menghadapi apa juga cabaran untuk kembali ke era kecemerlangan," katanya.

Perdana Menteri seterusnya berkata, hasrat kerajaannya dalam Wawasan

2020 juga adalah untuk memastikan kemajuan dapat dinikmati secara menyeluruh oleh semua rakyat Malaysia dan bukannya untuk kelompok tertentu sahaja.

"Kita tidak harus merasa bangga dengan negara kita jika ramai rakyat negara ini mencapai tahap kemajuan sedangkan dalam masa yang sama masih ramai lagi yang ketinggalan di belakang," katanya.